



**SURAT KELILING JABATAN PERDANA MENTERI BIL: 01/2021
NEGARA BRUNEI DARUSSALAM**

Alhamdulillah dengan limpah rahmat Allah Subhanahu Wata'ala jua dan dengan berkat daulat kepimpinan bijaksana Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam, kita haruslah sentiasa bersyukur kerana dengan izinNya jua dapat bersama-sama melangkah ke tahun baru Masihi 2021, setelah mengharungi pelbagai cabaran dan rintangan di tahun 2020 yang lalu, apabila dunia berdepan dan masih lagi diancam dengan pandemik wabak COVID-19 yang telah memberikan impak besar kepada perkembangan sosio-ekonomi dunia.

Syukur Alhamdulillah, cabaran-cabaran tersebut telahpun dapat ditangani, hasil kerjasama yang sepadau daripada semua rakyat dan penduduk Negara Brunei Darussalam dengan 'vaksin ketuhanan' juga digunakan secara konsisten. Kerjasama berpasukan ini adalah yang diharapkan bagi memastikan perpaduan dikalangan rakyat dan penduduk Negara Brunei Darussalam dalam mencapai hasrat yang ingin dicapai terutama sekali di dalam keadaan dunia mengharungi wabak pandemik COVID-19. Kita juga seharusnya mengambil peluang yang timbul daripada cabaran tersebut seperti penggunaan digital teknologi semasa pandemik wabak COVID-19.

Selaku rakyat dan penduduk Negara Brunei Darussalam, tidak mengira sama ada yang berkhidmat di sektor Kerajaan ataupun di sektor swasta, marilah kita sama-sama menghayati dan menjulang tinggi titah Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam sempena Tahun Baru 2021 Masihi dengan melaksanakan hasrat Baginda yang sentiasa menitikberatkan kerjasama yang sepadau daripada pelbagai pihak-pihak yang berkepentingan melalui kaedah '*Whole of Nation*' demi merealisasikan matlamat-matlamat ke arah pembangunan negara selaras dengan Wawasan Brunei 2035.

Pada tahun ini juga, Negara Brunei Darussalam akan menjadi Pengerusi kepada mesyuarat di peringkat ASEAN yang membawa Tema '**We Care, We Prepare, We Prosper**' yang memfokuskan kepada hal ehwal kesejahteraan rakyat ASEAN. Berkaitan dengan perkara ini, antara intipati titah Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam yang perlu dilaksanakan dan ditanai adalah seperti berikut:-



- 2 -

- Baginda menyeru supaya memberikan keutamaan dalam melaksanakan inisiatif-inisiatif yang membolehkan negara ASEAN untuk lebih bersedia bertindak balas untuk memelihara kesejahteraan rakyat masing-masing khususnya ketika menghadapi sebarang krisis atau bencana di masa-masa mendatang;
- Baginda juga menekankan perlunya diberikan peluang untuk meningkatkan kemahiran dan keupayaan kepada rakyat-rakyat Negara ASEAN, supaya akan lebih bersedia menghadapi cabaran dan mengambil peluang dari perkembangan teknologi dan arus perubahan global yang pantas;
- Dalam hal yang sama juga, Baginda menekankan supaya Negara Brunei Darussalam hendaklah seiring dengan rakan-rakan dalam membuat perubahan dengan sistem negara, ekonomi, pendidikan dan keselamatan untuk diperkuuhkan sebagaimana merujuk kepada *Blueprint-Blueprint*, Pelan-Pelan Induk dan Pelan-Pelan Strategik yang dikeluarkan sama ada di peringkat Kementerian mahupun Nasional;
- Berhubung dengan hal ehwal keselamatan, Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam telahpun memperkenankan bagi penubuhan *Cyber Security Brunei* pada bulan Ogos 2020 yang lalu sebagai agensi yang menjaga keselamatan siber kebangsaan dari sebarang insiden dan ancaman siber. Perkembangan Transformasi Digital ini dihasratkan untuk menjadikan negara sebagai sebuah 'Negara Pintar' (*Smart City*).
- Bagi merealisasikan hasrat tersebut, Baginda menekankan perlunya ada kerjasama yang strategik yang berterusan di antara semua pihak yang berkepentingan bagi menyediakan tenaga kerja yang berkemahiran bagi mencapai kemajuan ke arah *Smart City*.
- Baginda seterusnya menasihatkan supaya *Manpower Planning and Empowerment Council* (MPEC) melalui *Job Centre Brunei* (JCB) untuk mempertingkatkan lagi usaha dalam meluaskan peluang pekerjaan kepada anak-anak tempatan sama ada di dalam sektor awam atau swasta.

A handwritten signature in blue ink, likely belonging to Sultan Hassanal Bolkiah, is placed at the end of the list of points.



- 3 -

- Baginda juga menyeru supaya mereka yang berkhidmat dalam sektor awam atau swasta mengamalkan budaya kerja yang berintegriti tinggi, bertanggungjawab dan patuh kepada peraturan dan undang-undang di mana Baginda menekankan bahawa kelemahan dan keruntuhan etika dan moral dalam melaksanakan amanah boleh menyebabkan amalan rasuah, pecah amanah atau salah guna kuasa untuk kepentingan peribadi. Dengan menghapuskan sikap sedemikian, negara kita akan sentiasa selamat dan diberkati dalam menuju kejayaan.
- Baginda juga menyentuh mengenai penyediaan *Economic Blueprint* melalui Kementerian Kewangan dan Ekonomi yang dihasratkan untuk mempertingkatkan produktiviti negara melalui inovasi dan koordinasi yang efektif. Ianya hanya akan dapat dicapai melalui sokongan padu dari pelbagai pihak-pihak yang berkepentingan. Perkara ini juga dikaitkan dengan usaha negara untuk mempertingkatkan ekonomi khususnya di bidang sekuriti makanan (*food security*) sebagai agenda utama supaya bekalan makanan asasi benar-benar mencukupi.
- Akhir sekali, Baginda merakamkan setinggi-tinggi penghargaan kepada semua warga perkhidmatan awam termasuklah yang berkhidmat di sektor swasta dan pasukan-pasukan keselamatan serta para sukarelawan diatas usaha gigih dalam melaksanakan tugas dan tanggungjawab masing-masing di sepanjang tahun 2020.

Di dalam usaha kita menjunjung dan menanai titah Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam, Jabatan Perdana Menteri menaruh harapan tinggi khususnya warga perkhidmatan awam di negara ini untuk sentiasa mengamalkan budaya berintegriti dan bertanggungjawab dan patuh kepada peraturan dan undang-undang dengan sentiasa bertawakal dan berdoa kepada Allah Subhanahu Wata'ala untuk dijauhkan daripada perkara-perkara yang dapat menjatuhkan moral dan etika kerja. Dengan sentiasa bertawakal dan mengambil langkah-langkah yang pro-aktif dalam memperbaiki diri, insyaAllah, jentera perkhidmatan awam dan swasta akan mencapai perpaduan bagi merealisasikan hasrat Baginda.



- 4 -

Akhir sekali, marilah kita sama-sama berdoa semoga Negara Brunei Darussalam akan sentiasa diberkati dengan keadaan yang aman dan sejahtera di masa yang akan datang dan semoga usaha-usaha murni kita selaku warga perkhidmatan awam dalam membangun negara akan sentiasa mendapat rahmat dan berkat serta petunjuk daripada Allah Subhanahu Wata'ala jua.

"Mensyukuri Ni'mat Kesihatan Sebagai Anugerah Allah"

[MOHD RIZA BIN DATO PADUKA HAJI MOHD YUNOS]
Setiausaha Tetap

Jabatan Perdana Menteri,
Istana Nurul Iman
Bandar Seri Begawan, BA 1000
NEGARA BRUNEI DARUSSALAM

Ruj: (1) JPM/SK/2021
Tarikh: 01 Jamadilakhir 1442
23 Januari 2021